

**Embargo sehingga jam 1200,
Rabu, 5 April 2017**

PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

**PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI BULAN FEBRUARI 2017 DAN TEMPOH
JANUARI-FEBRUARI 2017[#]**

Jumlah Perdagangan, Eksport dan Import Tertinggi Direkodkan bagi Bulan Februari

Jumlah perdagangan Malaysia pada Februari 2017 meningkat 27.1% kepada RM134.83 bilion berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan dalam jumlah perdagangan dapat dilihat pada kesemua rakan dagang utama termasuk ASEAN, China, India, Jepun, Taiwan, Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat (AS).

Eksport kekal pada paras yang tinggi, meningkat 26.5% kepada RM71.77 bilion. Jumlah eksport yang melebihi RM70 bilion ini merupakan yang ke-empat bulan berturut-turut dicatatkan sejak November 2016, melebihi nilai purata bulanan sebanyak RM64 bilion yang direkodkan pada sepuluh bulan pertama tahun 2016. Import pada bulan Februari meningkat sebanyak 27.7% kepada RM63.06 bilion sementara lebihan dagangan bernilai RM8.71 bilion, menjadikan ia lebihan dagangan yang ke-232 bulan berturut-turut dicatatkan sejak November 1997.

Jumlah perdagangan bagi dua bulan pertama tahun 2017 meningkat 20.6% kepada RM270.63 bilion berbanding RM224.4 bilion yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 2016. Eksport meningkat 19.8% kepada RM142.04 bilion manakala import naik 21.5% kepada RM128.59 bilion dengan lebihan dagangan direkodkan sebanyak RM13.45 bilion.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, eksport naik 2.1%, manakala import dan jumlah perdagangan masing-masing mengurang sebanyak 3.8% dan 0.7%.

Prestasi Eksport Sektor Utama

Pada Februari 2017, pertumbuhan dua digit dalam eksport telah dicatatkan bagi kesemua sektor utama, iaitu barangan perkilangan, hasil galian serta keluaran pertanian.

Komposisi Eksport

Eksport **barangan perkilangan** meningkat 24.3% kepada RM57.45 bilion berbanding Februari 2016, **merangkumi 80% syer daripada jumlah eksport Malaysia**. Peningkatan ini disumbangkan oleh kenaikan eksport barang elektrik dan elektronik (E&E), keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia serta keluaran getah.

Eksport **hasil galian** berkembang 21.6% kepada RM6.83 bilion, berikutan kenaikan eksport petroleum mentah sebanyak 50.4% kepada RM2.36 bilion. Peningkatan eksport petroleum mentah pada Februari 2017 telah didorong oleh peningkatan Nilai Unit Purata (AUV).

Eksport **keluaran pertanian** naik sebanyak 50.7% kepada RM6.78 bilion, disokong terutamanya oleh pertumbuhan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit. Eksport minyak sawit mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 61.1% kepada RM3.97 bilion, berbanding RM2.47 bilion pada Februari tahun lepas, berikutan peningkatan kuantiti dan AUV.

Barangan eksport utama pada Februari 2017 adalah seperti berikut:

- Barangan E&E, bernilai RM24.57 bilion dan merangkumi 34.2% daripada jumlah eksport, meningkat 22.4% berbanding Februari 2016;
- Kimia dan bahan kimia, RM5.91 bilion, 8.2% daripada jumlah eksport, meningkat 37.5%;

- Keluaran petroleum, RM5.21 bilion, 7.3% daripada jumlah eksport, meningkat 50.9%;
- Minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, RM4.78 bilion, 6.7% daripada jumlah eksport, meningkat 63.5%; dan
- Jentera, kelengkapan dan peralatan, RM3.33 bilion, 4.6% daripada jumlah eksport, meningkat 12.9%.

Bagi tempoh dua bulan pertama 2017, eksport **barangan perkilangan** meningkat 17.9% kepada RM114.2 bilion, merangkumi 80.4% syer daripada jumlah eksport Malaysia. Kenaikan eksport melebihi RM1 bilion dicatatkan bagi barang E&E, keluaran petroleum, serta kimia dan bahan kimia.

Eksport **hasil galian** berkembang sebanyak 20.2% kepada RM13.52 bilion. Kenaikan ini didorong terutamanya oleh peningkatan eksport petroleum mentah sebanyak 49.2% kepada RM4.85 bilion.

Eksport **keluaran pertanian** meningkat 32% kepada RM12.9 bilion disokong oleh kenaikan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, khasnya minyak sawit. Eksport minyak sawit merekodkan peningkatan dua digit sebanyak 38.4% kepada RM7.53 bilion, berbanding RM5.44 bilion pada tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, eksport barangan perkilangan meningkat 1.2% atau RM691.4 juta, keluaran pertanian (\uparrow 10.6% atau RM651.1 juta) dan hasil galian (\uparrow 2.3% atau RM152.8 juta).

Prestasi Pasaran Utama

Perdagangan dengan ASEAN Kekal Kukuh

Pada bulan Februari 2017, perdagangan dengan ASEAN berkembang 36.1% kepada RM39.03 bilion berbanding tahun lalu. Eksport meningkat 34% kepada RM21.55 bilion, disokong terutamanya oleh eksport barangan perkilangan yang tumbuh 31.1%

kepada RM18.96 bilion. Kenaikan eksport direkodkan bagi keluaran petroleum, barang E&E, petroleum mentah, kimia dan bahan kimia, jentera, kelengkapan dan peralatan, serta minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit. **Eksport ke ASEAN merangkumi 30% syer daripada jumlah eksport Malaysia, meningkat daripada 28.4% yang direkodkan pada bulan Februari 2016.** Sementara itu, import dari ASEAN meningkat 38.7% kepada RM17.48 bilion didorong oleh peningkatan import keluaran petroleum, barang E&E serta kimia dan bahan kimia.

Dari segi pasaran, pertumbuhan eksport telah dicatat ke semua negara ASEAN. Pecahan eksport ke negara ASEAN pada bulan Februari 2017 adalah seperti berikut:

- | | |
|-------------|---------------------------------|
| • Singapura | RM 9.96 bilion, meningkat 25.3% |
| • Thailand | RM 4.26 bilion, ↑29.7% |
| • Indonesia | RM 3.48 bilion, ↑71.9% |
| • Viet Nam | RM 2.08 bilion, ↑64.1% |
| • Filipina | RM 1.20 bilion, ↑9.9% |
| • Myanmar | RM 310.2 juta, ↑17.0% |
| • Brunei | RM 177.4 juta, ↑28.2% |
| • Kemboja | RM 82.8 juta, ↑31.8% |
| • Lao PDR | RM 6.9 juta, ↑40.8% |

Pada Januari hingga Februari 2017, jumlah perdagangan dengan ASEAN meningkat 23.5% kepada RM76 bilion manakala eksport naik sebanyak 23.2% kepada RM42.47 bilion. Peningkatan ini disokong oleh pertumbuhan eksport keluaran petroleum, barang E&E, kimia dan bahan kimia, petroleum mentah, serta minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit. Sementara itu, import dari ASEAN juga tumbuh sebanyak 23.8% kepada RM33.53 bilion.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, jumlah perdagangan, eksport dan import masing-masing berkembang 5.5%, 3% dan 8.9%.

China - Pertumbuhan Dua Digit dalam Jumlah Perdagangan, Eksport dan Import

Jumlah perdagangan dengan China pada Februari 2017 meningkat 28.9% kepada RM19.79 bilion, menyumbang 14.7% syer kepada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport ke China mencatatkan pertumbuhan 47.6% kepada RM9.57 bilion, berikutan kenaikan eksport barang E&E, keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia, keluaran getah, gas asli cecair (LNG), serta minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit. Import dari China berjumlah RM10.22 bilion, meningkat 15.3%.

Jumlah perdagangan Malaysia dengan China pada dua bulan pertama tahun 2017 berkembang 28.6% kepada RM43.14 bilion. Eksport meningkat 39.6% kepada RM18.14 bilion, manakala import naik 21.6% kepada RM24.99 bilion. Pertumbuhan eksport direkodkan bagi barang E&E, kimia dan bahan kimia, keluaran petroleum, serta minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, eksport ke China naik 11.7% manakala import dan jumlah perdagangan masing-masing menurun 30.8% dan 15.2%.

Peningkatan Perdagangan dengan EU dipacu oleh Pertumbuhan Eksport

Pada Februari 2017, jumlah perdagangan dengan EU bernilai RM12.7 bilion, meningkat 11.2%. Eksport ke rantau ini merekodkan pertumbuhan dua digit sebanyak 26.6% kepada RM7.64 bilion, disokong oleh kenaikan eksport barang E&E, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, kimia dan bahan kimia, barang besi dan keluli, serta barang optik dan saintifik. Import menurun 6.1% kepada RM5.06 bilion.

Antara 10 pasaran utama EU, pertumbuhan dua digit eksport telah direkodkan ke 9 negara, iaitu Belanda (↑37.5%), Jerman (↑20.7%), United Kingdom (↑26.5%), Belgium (↑43.7%), Itali (↑15.2%), Sepanyol (↑98.8%), Republik Czech (↑43.6%), Sweden (↑17.7%) dan Hungary (↑81.1%).

Bagi tempoh Januari hingga Februari 2017, jumlah perdagangan dengan EU meningkat 10.5% kepada RM25.58 bilion, berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu. Eksport berkembang 19.1% kepada RM15.01 bilion, disumbangkan oleh kenaikan eksport barang E&E, kimia dan bahan kimia, minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit, serta keluaran petroleum. Import meningkat secara marginal sebanyak 0.2% kepada RM10.57 bilion.

Berbanding Januari 2017, eksport ke EU berkembang 3.6%, manakala import dan jumlah perdagangan masing-masing mengurang sebanyak 8.2% dan 1.4%.

Eksport ke Jepun Kukuh

Jumlah perdagangan dengan Jepun pada Februari 2017 naik 17.3% kepada RM11.84 bilion. **Eksport ke Jepun merekodkan pertumbuhan dua digit bagi 2 bulan berturut-turut setelah merekodkan penurunan tahun ke tahun yang berterusan sejak bulan Julai 2016.** Eksport ke Jepun bernilai RM6.72 bilion, meningkat 19.9% berikutan kenaikan eksport barang E&E dan LNG. Import dari Jepun meningkat 13.9% kepada RM5.13 bilion.

Pada dua bulan pertama 2017, jumlah perdagangan dengan Jepun berjumlah RM23.23 bilion, meningkat 17.6%. Eksport ke Jepun naik sebanyak 21.5% kepada RM13.51 bilion, dipacu oleh kenaikan eksport barang E&E dan LNG. Import dari Jepun berkembang 12.4% kepada RM9.72 bilion.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, jumlah perdagangan dan import dari Jepun masing-masing meningkat 3.9% dan 11.5%, manakala eksport mengurang 1.2%.

Barangan Perkilangan Memacu Pertumbuhan Perdagangan dengan AS

Perdagangan dengan AS berkembang 8.6% kepada RM11.58 bilion pada Februari 2017. Eksport yang lebih tinggi telah direkodkan, meningkat 13.2% kepada RM6.71 bilion, **disumbangkan terutamanya oleh eksport barangan perkilangan. Eksport**

barangan perkilangan merangkumi 94.2% daripada jumlah eksport Malaysia ke AS. Peningkatan eksport direkodkan bagi barang E&E, barang optik dan saintifik, kimia dan bahan kimia, keluaran getah, serta barang kayu. Import dari AS meningkat 2.8% kepada RM4.86 bilion.

Bagi dua bulan pertama 2017, perdagangan dengan AS naik 12% kepada RM24.02 bilion. Eksport berkembang 9.3% atau RM1.14 bilion kepada RM13.4 bilion disumbangkan terutamanya oleh kenaikan eksport barang E&E, jentera, kelengkapan dan peralatan, barang optik dan saintifik serta keluaran getah. Import meningkat 15.5% kepada RM10.62 bilion.

Berbanding Januari 2017, eksport ke AS naik secara marginal sebanyak 0.4%, manakala import dan jumlah perdagangan mengurang 15.5% dan 6.9%.

Perdagangan dengan Rakan Dagang FTA

Pada Februari 2017, jumlah perdagangan dengan rakan dagang di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) meningkat 30.7% kepada RM86.28 bilion, merangkumi 64% syer daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport ke negara rakan dagang FTA bernilai RM46.03 bilion, naik 29.9% manakala import berkembang 31.6% kepada RM40.25 bilion. Kenaikan eksport telah direkodkan ke ASEAN, China, Jepun, India, Turki, New Zealand, Pakistan dan Chile.

Pertumbuhan dua digit telah dicatatkan ke beberapa negara rakan dagang FTA seperti **India**, yang meningkat 32.2% kepada RM2.77 bilion, disumbang terutamanya oleh kenaikan eksport petroleum mentah, **Turki** (\uparrow 82.1% kepada RM830.9 juta, barangan perkilangan logam), **New Zealand** (\uparrow 56% kepada RM344.6 juta, petroleum mentah), **Pakistan** (\uparrow 47.4% kepada RM312.7 juta, minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit) serta **Chile** (\uparrow 33.4% kepada RM57.4 juta, barangan kayu).

Pada tempoh Januari hingga Februari 2017, perdagangan dengan rakan FTA naik 22.7% kepada RM172.92 bilion. Eksport dan import masing-masing berjumlah RM90.9 bilion dan RM82.02 bilion, berkembang 23.1% dan 22.4%.

Berbanding Januari 2017, eksport ke rakan dagang FTA meningkat 2.6%, manakala import dan jumlah perdagangan masing-masing mengurang sebanyak 3.7% dan 0.4%.

Import

Pada bulan Februari 2017, import naik 27.7% kepada RM63.06 bilion. Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir adalah:

- **Barang pengantara**, bernilai RM38.48 bilion atau 61% syer daripada jumlah import, meningkat 39.9%, berikutan kenaikan import arang batu;
- **Barangan modal** (RM7.29 bilion, 11.6% syer, ↑5.6%), disumbangkan oleh kenaikan import *air or gas compressors, hoods*; dan
- **Barang penggunaan** (RM4.57 bilion, 7.3% syer, ↓0.6% berikutan pengurangan import barang makanan).

Pada tempoh Januari hingga Februari 2017, import berjumlah RM128.59 bilion, naik 21.5% berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Import **barang pengantara** bernilai RM76.86 bilion, meningkat 23.5%, **barang modal** (RM16.88 bilion, ↑20.5%) dan **barang penggunaan** (RM10.32 bilion, ↓1.2%).

Nota:

Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barangang untuk perhitungan imbangan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barangang fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010) yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbangan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barangang didefinisikan sebagai “barangang fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran”.

Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan “PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN” yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada jam 1200, Rabu, 5 April 2017 dan boleh dimuat turun melalui e-Statistics di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://estatistik.dosm.gov.my>).

- + Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.maperdagangan.gov.my>).

Data bulan Februari 2017 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.

Mulai bulan rujukan September 2015, terdapat perubahan kecil pada pemilihan kod bagi eksport dan import bagi barangang/komoditi utama dan terpilih mengikut sektor.

JADUAL 1: RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

Tahun/ Tempoh	<u>Jumlah Eksport (RM Juta)</u>	<u>Jumlah Import (RM Juta)</u>	<u>Imbalan Perdagangan (RM Juta)</u>	<u>Jumlah Perdagangan (RM Juta)</u>
2016^p				
Januari	61,851.8	56,460.1	5,391.7	118,311.9
Februari	56,719.7	49,368.1	7,351.6	106,087.9
Mac	66,586.2	55,393.6	11,192.6	121,979.7
April	61,346.9	52,291.9	9,054.9	113,638.8
Mei	59,943.4	56,660.1	3,283.3	116,603.5
Jun	66,449.6	60,932.0	5,517.6	127,381.5
Julai	59,850.1	57,942.8	1,907.4	117,792.9
Ogos	67,579.3	59,071.9	8,507.4	126,651.2
September	68,032.3	60,471.6	7,560.7	128,503.9
Oktober	69,195.3	59,439.0	9,756.3	128,634.3
November	72,827.9	63,797.6	9,030.3	136,625.6
Disember	75,552.5	66,833.7	8,718.8	142,386.1
2016 (Jan-Dis)^p	785,934.8	698,662.3	87,272.5	1,484,597.2
2017^p				
Januari	70,269.8	65,529.6	4,740.2	135,799.5
Februari	71,769.7	63,061.0	8,708.7	134,830.8
2016 (Jan-Feb)^p	118,571.5	105,828.2	12,743.3	224,399.7
2017 (Jan-Feb)^p	142,039.6	128,590.7	13,448.9	270,630.3

Nota: Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran.

JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT

Barangan	Feb 2017 ^p	Jan 2017 ^p	Feb 2016 ^p
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	71,769.7	70,269.8	56,719.7
Barangan Elektrik & Elektronik	24,570.9	24,908.3	20,076.8
Kimia & Bahan Kimia	5,907.9	5,007.1	4,297.4
Keluaran Petroleum	5,213.3	6,077.4	3,453.7
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	4,784.5	4,201.5	2,927.0
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	3,328.1	3,005.8	2,947.6
LNG	3,283.8	3,294.8	3,217.0
Barangan Perkilangan Logam	2,730.1	2,794.9	2,740.8
Barangan Optik & Saintifik	2,381.8	2,432.8	2,084.4
Petroleum Mentah	2,364.7	2,487.3	1,572.8
Keluaran Getah	2,054.2	1,941.7	1,484.6

JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT

Negara	Feb 2017 ^p	Jan 2017 ^p	Feb 2016 ^p
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	71,769.7	70,269.8	56,719.7
Singapura	9,956.3	10,680.0	7,943.6
China	9,572.1	8,570.2	6,485.7
Jepun	6,715.7	6,794.3	5,600.4
AS	6,714.0	6,688.6	5,929.4
Thailand	4,255.0	4,124.0	3,280.8
Indonesia	3,475.4	2,243.0	2,022.3
Hong Kong SAR	2,863.1	3,035.9	2,671.1
India	2,773.1	2,490.5	2,097.4
Belanda	2,296.4	2,150.5	1,670.0
Jerman	2,157.2	2,109.0	1,786.6

JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI- FEBRUARI)

Barangan	Jan-Feb 2017 ^p	Jan-Feb 2016 ^p
	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	142,039.6	118,571.5
Barangan Elektrik & Elektronik	49,479.2	42,427.2
Keluaran Petroleum	11,290.6	6,807.3
Kimia & Bahan Kimia	10,915.1	8,644.7
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	8,986.0	6,377.7
LNG	6,578.6	6,421.9
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	6,334.0	6,223.9
Barangan Perkilangan Logam	5,525.1	5,260.6
Petroleum Mentah	4,852.0	3,252.2
Barangan Optik & Saintifik	4,814.6	4,513.1
Keluaran Getah	3,995.8	3,143.0

JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI- FEBRUARI)

Negara	Jan-Feb 2017 ^p	Jan-Feb 2016 ^p
	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	142,039.6	118,571.5
Singapura	20,636.3	16,945.2
China	18,142.3	12,996.3
Jepun	13,510.1	11,115.6
AS	13,402.6	12,263.8
Thailand	8,379.0	7,326.8
Hong Kong SAR	5,899.0	5,564.2
Indonesia	5,718.4	4,311.9
India	5,263.5	4,660.2
Australia	5,100.1	4,216.0
Belanda	4,446.9	3,476.5

JADUAL 6: BARANGAN UTAMA IMPORT

Barangan	Feb 2017 ^p	Jan 2017 ^p	Feb 2016 ^p
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Import	63,061.0	65,529.6	49,368.1
Barangan Elektrik & Elektronik	17,500.5	19,560.6	15,355.6
Keluaran Petroleum	6,218.8	5,512.9	3,339.7
Kimia & Bahan Kimia	5,986.5	5,944.6	4,945.1
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	5,520.4	6,536.1	4,377.6
Barangan Perkilangan Logam	3,110.9	3,307.0	2,983.4
Kelengkapan Pengangkutan	2,288.2	3,089.7	3,110.1
Barangan Besi & Keluli	2,256.5	2,123.1	1,370.4
Barangan Optik & Saintifik	1,862.3	1,977.4	1,538.1
Barangan Makanan Diproses	1,624.5	1,627.6	1,262.9
Petroleum Mentah	1,619.1	1,588.9	797.0

JADUAL 7: SUMBER UTAMA IMPORT

Negara	Feb 2017 ^p	Jan 2017 ^p	Feb 2016 ^p
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Import	63,061.0	65,529.6	49,368.1
China	10,220.0	14,773.3	8,867.2
Singapura	6,751.5	6,508.2	5,331.0
Jepun	5,125.0	4,597.6	4,498.1
AS	4,864.3	5,753.2	4,733.4
Indonesia	3,988.9	3,446.8	2,249.4
Thailand	3,933.7	3,410.1	3,199.3
Taiwan	3,704.0	4,141.1	2,456.9
ROK	2,410.5	2,682.1	2,214.3
Australia	2,204.9	1,532.4	929.2
India	2,169.0	1,656.9	1,090.0

JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI- FEBRUARI)

Barangan	Jan-Feb 2017 ^p	Jan-Feb 2016 ^p
	RM Juta	RM Juta
Jumlah Import	128,590.7	105,828.2
Barangan Elektrik & Elektronik	37,061.1	32,901.8
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	12,056.5	9,593.2
Kimia & Bahan Kimia	11,931.1	10,319.8
Keluaran Petroleum	11,731.7	7,311.3
Barangan Perkilangan Logam	6,417.9	6,366.4
Kelengkapan Pengangkutan	5,377.9	5,546.5
Barangan Besi & Keluli	4,379.6	3,090.2
Barangan Optik & Saintifik	3,839.7	3,256.4
Barangan Makanan Diproses	3,252.0	2,851.2
Petroleum Mentah	3,208.0	1,523.3

JADUAL 9: SUMBER UTAMA IMPORT (JANUARI- FEBRUARI)

Negara	Jan-Feb 2017 ^p	Jan-Feb 2016 ^p
	RM Juta	RM Juta
Jumlah Import	128,590.7	105,828.2
China	24,993.2	20,556.0
Singapura	13,259.7	11,885.6
AS	10,617.5	9,189.0
Jepun	9,722.6	8,646.4
Taiwan	7,845.1	5,490.0
Indonesia	7,435.7	4,605.4
Thailand	7,343.8	6,628.5
ROK	5,092.5	5,061.9
India	3,825.9	2,678.6
Jerman	3,796.8	3,802.2

Sumber : Jabatan Perangkaan, Malaysia
 Disediakan oleh: MATRADE

Nota :

p – data provisional

CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2011-2017